2019
2019
P.U. (A)

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PERHUTANAN NEGARA (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

NATIONAL FORESTRY (FEDERAL TERRITORIES) RULES 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

KAEDAH-KAEDAH PERHUTANAN NEGARA (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KUASA PENGARAH

3. Kebenaran secara bertulis
4. Perakuan pembersihan hutan
5. Sempadan pentadbiran dan pengurusan hutan

BAHAGIAN III

HUTAN SIMPANAN KEKAL

6. Pewujudan hutan simpanan kekal
7. Penandaan sempadan luar tanah yang dijadikan sebagai hutan simpanan kekal
8. Pengelasan hutan simpanan kekal
9. Pertukaran pengelasan hutan simpanan kekal
10. Pengeluaran kawasan tanah dari hutan simpanan kekal
11. Penandaan sempadan luar yang baharu bagi kawasan tanah yang dikeluarkan dari hutan simpanan kekal
12. Penggantian kawasan tanah yang dikeluarkan dari hutan simpanan kekal
13. Penandaan sempadan luar yang baharu bagi kawasan tanah yang digantikan sebagai hutan simpanan kekal

Kaedah

14. Pengisytiharan hutan simpanan kekal sebagai hutan terbuka atau hutan tertutup
15. Penyalaan apa-apa api atau memulakan pembakaran terbuka

BAHAGIAN IV
PENGAWALAN HASIL HUTAN DALAM PERJALANAN

16. Tanda pengelasan
17. Tanda harta

BAHAGIAN V
CAJ HUTAN DAN FI

18. Royalti
19. Premium
20. Taksiran hasil hutan
21. Fi

BAHAGIAN VI
PENGKOMPAUNAN KESALAHAN

22. Kesalahan yang boleh dikompaun
23. Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun
24. Pembayaran kompaun

BAHAGIAN VII
PELBAGAI

Bab 1 – Jentera

25. Pendaftaran jentera
26. Pembatalan pendaftaran jentera
27. Pengehadan penggunaan jentera berdaftar

Kaedah

Bab 2 – Penebang

28. Pendaftaran sebagai penebang
29. Pembatalan perakuan pendaftaran sebagai penebang

Bab 3 – Kontraktor untuk mengambil hasil hutan

30. Pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil hasil hutan
31. Pembatalan perakuan pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil hasil hutan

Bab 4 – Kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan

32. Pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan
33. Pembatalan perakuan pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan

Bab 5 – Sublesen

34. Pengeluaran sublesen
35. Pemeriksaan sublesen
36. Pembatalan sublesen

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

KAEDAH-KAEDAH PERHUTANAN NEGARA (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 111 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Jadual Kelima Akta, Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Ubah Suaian Akta Perhutanan Negara 1984) 2017 [*P.U.(A) 450/2017*] dan Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Ubah Suaian Akta Perhutanan Negara 1984) 2017 [*P.U. (A) 451/2017*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Perhutanan Negara (Wilayah Persekutuan) 2019.**

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2019.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Pengarah Tanah dan Galian" ertinya Pengarah Tanah dan Galian Negeri yang dilantik di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara;

"Pengarah Ukur dan Pemetaan" ertinya Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri yang dilantik di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara;

"perakuan pembersihan hutan" ertinya suatu perakuan yang diberikan oleh Pengarah untuk mengesahkan bahawa kawasan yang dinyatakan dalam permohonan perakuan pembersihan hutan itu tidak mengandungi apa-apa kayu yang boleh diusaha hasil secara ekonomi;

"tanda pengelasan" ertinya suatu tanda yang diletakkan pada hasil hutan atau bekas, bungkusan atau pengangkut yang mengandungi hasil hutan untuk menunjukkan dari mana hasil hutan itu diambil atau dipindahkan;

"Wilayah Persekutuan" ertinya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

BAHAGIAN II

KUASA PENGARAH

Kebenaran secara bertulis

3. Tertakluk kepada kawalan Menteri tentang perkara yang menyentuh pentadbiran dan pengurusan hutan di Wilayah Persekutuan, Pengarah boleh memberikan suatu kebenaran secara bertulis kepada mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan sebagaimana yang disebut dalam subseksyen 81(1) Akta di dalam suatu hutan simpanan kekal bagi maksud—

(a) kajian atau penyelidikan; atau

(b) menjalankan apa-apa aktiviti dalam pengurusan, pemuliharaan dan pembangunan hutan.

Perakuan pembersihan hutan

4. (1) Pengarah boleh memberikan suatu perakuan pembersihan hutan sebelum suatu kawasan tanah di dalam tanah Persekutuan dilupuskan.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), Pengarah Tanah dan Galian hendaklah mengemukakan suatu permohonan perakuan pembersihan hutan kepada Pengarah bersama dengan pelan kawasan bagi menunjukkan sempadan luar kawasan tanah di dalam tanah Persekutuan yang hendak dilupuskan.

(3) Apabila menerima permohonan di bawah subkaedah (2), Pengarah hendaklah membuat suatu penilaian ke atas kawasan tanah di dalam tanah Persekutuan yang hendak dilupuskan itu.

(4) Selepas penilaian di bawah subkaedah (3) dibuat, dan Pengarah berpuas hati bahawa—

(a) kawasan tanah di dalam tanah Persekutuan itu tidak mengandungi apa-apa kayu yang boleh diusaha hasil secara ekonomi, Pengarah boleh memberikan suatu perakuan pembersihan hutan; atau

(b) kawasan tanah di dalam tanah Persekutuan itu mengandungi apa-apa kayu yang boleh diusaha hasil secara ekonomi, Pengarah hendaklah memohon kebenaran daripada Menteri untuk mengambil hasil hutan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 16*(a)* Akta, dan—

(i) jika permohonan itu dibenarkan oleh Menteri, suatu perakuan pembersihan hutan akan diberikan oleh Pengarah selepas pengambilan hasil hutan itu selesai; atau

(ii) jika permohonan itu tidak dibenarkan oleh Menteri, suatu perakuan pembersihan hutan tidak akan diberikan.

(5) Suatu kawasan tanah di dalam tanah Persekutuan tidak boleh dilupuskan kepada mana-mana orang sebelum suatu perakuan pembersihan hutan diberikan oleh Pengarah.

Sempadan pentadbiran dan pengurusan hutan

5. Bagi maksud Akta dan pentadbiran serta pengurusan hutan, Pengarah boleh membahagikan takat bahagian Wilayah Persekutuan kepada kawasan dan subkawasan pentadbiran hutan sebagaimana yang difikirkannya patut.

BAHAGIAN III

HUTAN SIMPANAN KEKAL

Pewujudan hutan simpanan kekal

6. (1) Mana-mana kawasan tanah boleh dijadikan sebagai suatu hutan simpanan kekal di bawah seksyen 7 Akta.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), apa-apa cadangan bertulis untuk menjadikan mana-mana kawasan tanah sebagai suatu hutan simpanan kekal daripada mana-mana pihak, hendaklah dirujuk kepada Pengarah.

(3) Apabila menerima cadangan untuk menjadikan mana-mana kawasan tanah sebagai suatu hutan simpanan kekal, Pengarah hendaklah—

(a) merujukkan cadangan untuk menjadikan mana-mana kawasan tanah sebagai suatu hutan simpanan kekal itu kepada Kementerian, jabatan, agensi dan pihak lain yang berkaitan untuk ulasan;

(b) menyediakan suatu laporan bertulis mengenai cadangan untuk menjadikan suatu hutan simpanan kekal berdasarkan ulasan di bawah perenggan *(a)*; dan

(c) mengemukakan suatu laporan bertulis di bawah perenggan *(b)* kepada Menteri untuk kelulusan.

(4) Jika kelulusan diberikan oleh Menteri, Pengarah hendaklah—

(a) mengemukakan suatu salinan kelulusan itu bersama dengan pelan kawasan untuk menunjukkan sempadan luar kawasan tanah itu kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan bagi maksud menyediakan pelan *Warta*; dan

(b) menyediakan suatu pemberitahuan untuk menjadikan tanah itu sebagai suatu hutan simpanan kekal bagi maksud penyiaran dalam *Warta*.

(5) Jika kelulusan tidak diberikan oleh Menteri, Pengarah hendaklah memaklumkan penolakan itu secara bertulis kepada pihak yang mencadangkan untuk menjadikan mana-mana kawasan tanah sebagai suatu hutan simpanan kekal.

Penandaan sempadan luar tanah yang dijadikan sebagai hutan simpanan kekal

7. Apabila pemberitahuan untuk menjadikan mana-mana kawasan tanah sebagai suatu hutan simpanan kekal telah disiarkan dalam *Warta*, Pengarah hendaklah memulakan penandaan sempadan luar tanah yang dijadikan sebagai hutan simpanan kekal itu dalam tempoh masa yang munasabah.

Pengelasan hutan simpanan kekal

8. (1) Hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya boleh dikelaskan mengikut pengelasan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 10(1) Akta.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), Pengarah hendaklah mengemukakan cadangan bertulis untuk mengelaskan hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya bersama dengan pelan kawasan bagi menunjukkan sempadan kawasan itu kepada Menteri untuk suatu kelulusan.

(3) Jika kelulusan diberikan oleh Menteri, Pengarah hendaklah—

(a) mengemukakan suatu salinan kelulusan itu bersama dengan pelan kawasan bagi menunjukkan sempadan kawasan itu kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan bagi maksud penyediaan pelan *Warta*; dan

(b) menyediakan suatu pemberitahuan pengelasan hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya bagi maksud penyiaran dalam *Warta*.

(4) Jika kelulusan tidak diberikan oleh Menteri, suatu hutan simpanan kekal hendaklah disifatkan telah dikelaskan sebagai hutan pengeluaran kayu di bawah perolehan berkekalan di bawah perenggan 10(1)*(a)* Akta.

Pertukaran pengelasan hutan simpanan kekal

9. (1) Walau apapun subkaedah 8(1), pengelasan suatu hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya boleh ditukar pada bila-bila masa.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), Pengarah hendaklah mengemukakan suatu cadangan bertulis untuk menukar pengelasan hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya bersama dengan pelan kawasan bagi menunjukkan sempadan kawasan itu kepada Menteri untuk suatu kelulusan.

(3) Jika kelulusan diberikan oleh Menteri, Pengarah hendaklah—

(a) mengemukakan suatu salinan kelulusan bersama dengan pelan kawasan bagi menunjukkan sempadan kawasan itu kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan bagi maksud penyediaan pelan *Warta*; dan

(b) menyediakan suatu pemberitahuan untuk menukar pengelasan hutan simpanan kekal itu atau sebahagian daripadanya bagi maksud penyiaran dalam *Warta.*

(4) Jika kelulusan tidak diberikan oleh Menteri, pengelasan yang sedia ada akan dikekalkan.

Pengeluaran kawasan tanah dari hutan simpanan kekal

10. (1) Mana-mana kawasan tanah dari suatu hutan simpanan kekal boleh dikeluarkan dari hutan simpanan kekal sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 11 Akta.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), apa-apa cadangan bertulis untuk mengeluarkan mana-mana kawasan tanah dari hutan simpanan kekal daripada mana-mana pihak hendaklah dirujuk kepada Pengarah.

(3) Apabila menerima cadangan untuk mengeluarkan mana-mana kawasan tanah dari hutan simpanan kekal, Pengarah hendaklah—

(a) merujuk cadangan itu kepada jabatan, agensi dan pihak lain yang berkaitan untuk ulasan;

(b) menyediakan suatu laporan bertulis mengenai cadangan itu bersama dengan pelan kawasan; dan

(c) mengemukakan laporan bertulis itu kepada Menteri untuk kelulusan.

(4) Jika kelulusan diberikan oleh Menteri, Pengarah hendaklah—

(a) mengemukakan suatu salinan kelulusan itu bersama dengan pelan kawasan bagi menunjukkan sempadan luar kawasan itu kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan bagi maksud penyediaan pelan *Warta*; dan

(b) menyediakan suatu pemberitahuan untuk mengeluarkan mana-mana kawasan tanah itu dari hutan simpanan kekal bagi maksud penyiaran dalam *Warta*.

(5) Bagi maksud subkaedah (4), Menteri boleh memberi suatu kelulusan kepada Pengarah untuk mengambil hasil hutan mengikut perenggan 16*(a)* Akta sebelum pengeluaran kawasan tanah itu dari hutan simpanan kekal.

(6) Jika kelulusan tidak diberikan oleh Menteri, kawasan tanah itu hendaklah kekal sebagai suatu hutan simpanan kekal.

Penandaan sempadan luar yang baharu bagi kawasan tanah yang dikeluarkan dari hutan simpanan kekal

11. Apabila pemberitahuan untuk mengeluarkan mana-mana kawasan tanah dari hutan simpanan kekal telah disiarkan dalam *Warta*, Pengarah hendaklah memulakan penandaan sempadan luar yang baharu bagi hutan simpanan kekal itu dalam tempoh masa yang munasabah.

Penggantian kawasan tanah yang dikeluarkan dari hutan simpanan kekal

12. (1) Mana-mana kawasan tanah yang dikeluarkan dari hutan simpanan kekal hendaklah digantikan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 12 Akta.

(2) Tatacara yang dinyatakan dalam subkaedah 6(2), 6(3) dan 6(4) hendaklah terpakai bagi penggantian mana-mana kawasan tanah yang dikeluarkan dari hutan simpanan kekal.

Penandaan sempadan luar yang baharu bagi kawasan tanah yang digantikan sebagai hutan simpanan kekal

13. Apabila pemberitahuan untuk menggantikan mana-mana kawasan tanah sebagai suatu hutan simpanan kekal telah disiarkan dalam *Warta*, Pengarah hendaklah memulakan penandaan sempadan luar yang baharu bagi hutan simpanan kekal itu dalam tempoh masa yang munasabah.

Pengisytiharan hutan simpanan kekal sebagai hutan terbuka atau hutan tertutup

14. (1) Suatu hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya boleh diisytiharkan sebagai suatu hutan terbuka atau hutan tertutup di bawah seksyen 45 Akta.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), Pengarah hendaklah mengemukakan cadangan bertulis untuk mengisytiharkan hutan simpanan kekal itu atau sebahagian daripadanya sebagai suatu hutan terbuka atau hutan tertutup bersama dengan pelan kawasan bagi menunjukkan sempadan kawasan itu kepada Menteri untuk suatu kelulusan.

(3) Jika kelulusan diberikan oleh Menteri, Pengarah hendaklah—

(a) mengemukakan suatu salinan kelulusan bersama dengan pelan kawasan bagi menunjukkan sempadan kawasan itu kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan bagi maksud penyediaan pelan *Warta*; dan

(b) menyediakan suatu pemberitahuan untuk mengisytiharkan suatu hutan simpanan kekal itu atau sebahagian daripadanya sebagai suatu hutan terbuka atau hutan tertutup bagi maksud penyiaran dalam *Warta*.

(4) Jika kelulusan tidak diberikan oleh Menteri, suatu hutan simpanan kekal atau sebahagian daripadanya hendaklah disifatkan sebagai suatu hutan tertutup.

Penyalaan apa-apa api atau memulakan pembakaran terbuka

15. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk menyalakan apa-apa api atau memulakan pembakaran terbuka bagi apa-apa maksud di atas tanah Kerajaan atau tanah beri milik yang bersempadanan terus dengan mana-mana hutan simpanan kekal yang boleh membahayakan hutan simpanan kekal itu, hendaklah mengambil apa-apa langkah kawalan untuk mencegah merebaknya kebakaran itu ke dalam hutan simpanan kekal.

(2) Mana-mana orang yang menyalakan api atau memulakan pembakaran terbuka di bawah subkaedah (1) tidak melepaskannya daripada pematuhan undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan penyalaan api atau pembakaran terbuka.

(3) Mana-mana orang yang menyalakan api di atas tanah Kerajaan atau tanah beri milik yang bersempadanan terus dengan mana-mana hutan simpanan kekal dan menyebabkan api itu merebak ke dalam hutan simpanan kekal adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi

lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IV

PENGAWALAN HASIL HUTAN DALAM PERJALANAN

Tanda pengelasan

16. (1) Orang yang berikut hendaklah mendaftarkan tanda pengelasan dengan Pengarah:

(a) pemegang lesen;

(b) pemegang lesen kecil;

(c) pemegang lesen pemindah; atau

(d) pemegang permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu.

(2) Pendaftaran tanda pengelasan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan.

(3) Pendaftaran tanda pengelasan hendaklah sah bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh pendaftaran dan boleh diperbaharui dalam masa tiga bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran.

(4) Walau apa pun subkaedah (3), pendaftaran tanda pengelasan hendaklah terbatal apabila lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, yang tanda pengelasan itu didaftarkan, telah tamat tempoh atau dibatalkan oleh Pengarah.

(5) Mana-mana pemegang lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, hendaklah meletakkan tanda pengelasan pada kayu yang dipindahkan dari kawasan lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

Tanda harta

17. (1) Orang yang berikut hendaklah mendaftarkan tanda harta dengan Pengarah:

(a) pemegang lesen;

(b) pemegang lesen kecil;

(c) pemegang lesen pemindah; atau

(d) pemegang permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu.

(2) Pendaftaran tanda harta di bawah subkaedah (1) hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan.

(3) Pendaftaran tanda harta hendaklah sah bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh pendaftaran dan boleh diperbaharui dalam masa tiga bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran.

(4) Walau apa pun subkaedah (3), pendaftaran tanda harta hendaklah terbatal apabila lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi

suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, yang tanda harta itu didaftarkan, telah tamat tempoh atau dibatalkan oleh Pengarah.

(5) Mana-mana pemegang lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, hendaklah meletakkan tanda harta pada kayu yang dipindahkan dari kawasan lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebih dua puluh ribu ringgit.

BAHAGIAN V

CAJ HUTAN DAN FI

Royalti

18. (1) Semua hasil hutan yang diambil dari kawasan lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, adalah tertakluk kepada bayaran royalti.

(2) Pemegang lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, hendaklah membayar royalti kepada Kerajaan Persekutuan ke atas apa-apa hasil hutan yang diambil pada kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Premium

19. (1) Pemegang lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, hendaklah membayar premium kepada

Kerajaan Persekutuan sebagai tambahan kepada royalti di bawah kaedah 18 semasa permohonan lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu.

(2) Premium yang dikenakan ke atas hasil hutan hendaklah dibayar oleh pemegang lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, pada kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Taksiran hasil hutan

20. (1) Semua hasil hutan yang ditebang, dipungut atau dipindahkan di bawah lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, hendaklah dibawa ke balai pemeriksaan hasil hutan untuk pengukuran dan taksiran royalti, premium, ses atau caj hutan yang lain yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan.

(2) Suatu pas pemindah hendaklah dikeluarkan pada hasil hutan yang telah ditaksirkan di bawah subkaedah (1).

Fi

21. (1) Fi yang berhubungan dengan pelesenan dan permit, pengusahahasilan dan aktiviti pembangunan hutan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

(2) Apa-apa fi yang kena dibayar di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibayar kepada Kerajaan Persekutuan bagi perkhidmatan yang berhubungan dengan perhutanan pada kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

BAHAGIAN VI

PENGKOMPAUNAN KESALAHAN

Kesalahan yang boleh dikompaun

22. Kesalahan yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah ini ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun

23. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang A1 Jadual Pertama.

(2) Seseorang yang menyetuju terima tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang A2 Jadual Pertama.

Pembayaran kompaun

24. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia boleh membayar kompaun itu—

(a) secara tunai; atau

(b) melalui kiriman wang, kiriman wang pos, cek atau draf bank dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja’’ yang kena dibayar kepada Pengarah.

(2) Pembayaran kompaun hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar bayar dahulu ke alamat yang dinyatakan dalam Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

(3) Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi untuk tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subkaedah (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Bab 1 –Jentera

Pendaftaran jentera

25. (1) Mana-mana pemegang lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan daripada kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, yang dikeluarkan di bawah Akta hendaklah mendaftarkan jentera yang digunakan dalam aktiviti mengambil hasil hutan dengan Pengarah.

(2) Pendaftaran jentera di bawah subkaedah (1) hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan.

(3) Pendaftaran jentera hendaklah sah bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh pendaftaran dan boleh diperbaharui dalam masa tiga bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pembatalan pendaftaran jentera

26. Pendaftaran mana-mana jentera hendaklah terbatal apabila lesen, lesen kecil atau permit penggunaan penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu yang jentera itu didaftarkan, telah tamat tempoh atau dibatalkan oleh Pengarah.

Pengehadan penggunaan jentera berdaftar

27. (1) Jentera yang digunakan dalam aktiviti mengambil hasil hutan boleh didaftarkan untuk suatu lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang

dinyatakan dalam permit itu sahaja oleh pemegang lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bab 2 – Penebang

Pendaftaran sebagai penebang

28. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk bekerja sebagai penebang dalam mana-mana kawasan lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, hendaklah berdaftar dengan Pengarah sebagai penebang.

(2) Bagi maksud pendaftaran di bawah subkaedah (1), seseorang itu hendaklah mempunyai sijil kecekapan dalam teknik tebangan pokok yang dikeluarkan oleh institusi latihan di bawah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau apa-apa kelayakan lain yang diiktiraf oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

(3) Pendaftaran sebagai penebang di bawah subkaedah (1) hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan.

(4) Apabila seseorang telah didaftarkan sebagai penebang, Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam Borang B Jadual Pertama.

(5) Pendaftaran sebagai penebang hendaklah sah bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan boleh diperbaharui dalam masa tiga bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran.

Pembatalan perakuan pendaftaran sebagai penebang

29. Pengarah boleh, melalui notis bertulis kepada penebang, membatalkan perakuan pendaftaran sebagai penebang jika Pengarah berpuas hati bahawa penebang itu telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan ke atas lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, peruntukan Akta atau peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

Bab 3 – Kontraktor untuk mengambil hasil hutan

Pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil hasil hutan

30. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk memperoleh kawasan hutan bagi maksud mengambil hasil hutan hendaklah berdaftar dengan Pengarah sebagai kontraktor untuk mengambil hasil hutan.

(2) Pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil hasil hutan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan.

(3) Apabila seseorang telah didaftarkan sebagai kontraktor untuk mengambil hasil hutan, Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam Borang C Jadual Pertama.

(4) Pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil hasil hutan hendaklah sah bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan boleh diperbaharui dalam masa tiga bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran.

Pembatalan perakuan pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil hasil hutan

31. Pengarah boleh, melalui notis bertulis kepada kontraktor untuk mengambil hasil hutan, membatalkan perakuan pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil hasil hutan jika Pengarah berpuas hati bahawa kontraktor itu telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan ke atas lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari

kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, peruntukan Akta atau peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

Bab 4 – Kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan

Pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan

32. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk memperoleh kawasan hutan bagi maksud mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan atau untuk menjalankan kerja mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan hendaklah berdaftar dengan Pengarah sebagai kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan.

(2) Pendaftaran kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan.

(3) Apabila seseorang telah didaftarkan sebagai kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan, Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam Borang D Jadual Pertama.

(4) Pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan hendaklah sah bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan boleh diperbaharui dalam masa tiga bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran.

Pembatalan perakuan pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan

33. Pengarah boleh, melalui notis bertulis kepada kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan, membatalkan perakuan pendaftaran sebagai kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan jika Pengarah berpuas hati bahawa kontraktor itu telah

melanggar mana-mana syarat yang dikenakan ke atas lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, peruntukan Akta atau peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

Bab 5 – Sublesen

Pengeluaran sublesen

34. (1) Pemegang lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan kayu dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu yang menggaji pekerja bagi maksud lesennya, lesen kecilnya atau permit penggunaannya yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, hendaklah memohon kepada Pengarah untuk mengeluarkan sublesen bagi tiap-tiap pekerja yang digajinya mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

(2) Tiap-tiap permohonan untuk sublesen di bawah subkaedah (1) hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan.

(3) Apabila permohonan untuk sublesen diluluskan, Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu sublesen dalam Borang E Jadual Pertama.

(4) Sublesen yang dikeluarkan di bawah subkaedah (1) hendaklah sah bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan dan boleh diperbaharui dalam masa empat belas hari sebelum tamat tempoh sah sublesen itu.

(5) Pengarah boleh menolak untuk memperbaharui suatu sublesen jika Pengarah berpuas hati bahawa pemegang sublesen itu telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan ke atas lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, peruntukan Akta atau peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pemeriksaan sublesen

35. (1) Mana-mana pemegang sublesen yang dikeluarkan di bawah subkaedah 34(1) hendaklah mengemukakan sublesen kepada mana-mana pegawai hutan pada bila-bila masa untuk pemeriksaan.

(2) Mana-mana pemegang sublesen yang melanggar subkaedah (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Pembatalan sublesen

36. (1) Pengarah boleh, melalui notis bertulis kepada pemegang sublesen dan pemegang lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, membatalkan sublesen jika Pengarah berpuas hati bahawa pemegang sublesen itu telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan ke atas lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, peruntukan Akta atau peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

(2) Suatu sublesen hendaklah terbatal apabila lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu yang baginya sublesen itu dikeluarkan, telah tamat tempoh atau dibatalkan oleh Pengarah.

(3) Jika sublesen dibatalkan, Pengarah hendaklah memerintahkan apa-apa kerja yang dibenarkan di bawah lesen, lesen kecil atau permit penggunaan yang mengandungi suatu peruntukan yang membenarkan pengambilan hasil hutan dari kawasan yang dinyatakan dalam permit itu, diberhentikan dengan serta-merta.

JADUAL PERTAMA

BORANG A1

[subkaedah 23(1)]

TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Apabila menjawab sila catatkan:

Nombor rujukan : .....

Tarikh : .....

Kepada:

……

……

……

……

Tuan/Puan*,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda/ .....*
(nyatakan nama syarikat/perniagaan/badan lain, jika ada*)
dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*]/Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawah Akta dengan butir-butir yang berikut:

(a) peruntukan Akta / Kaedah-Kaedah yang berkaitan*:

……

……

(b) tarikh: ……

(c) masa: ……

(d) tempat:

……

(e) butir-butir kesalahan:

……

……

2. Menurut subseksyen 101(1) Akta Perhutanan Negara 1984, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM ……..…..…... (Ringgit Malaysia .....) sahaja.

3. Jika tawaran untuk mengkompaun ini diterima, pembayaran boleh dibuat melalui wang tunai/kiriman wang/ kiriman pos/ cek/ draf bank dipalang dengan perkataan " Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Pengarah dan boleh diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar bayar dahulu ke alamat yang berikut:

Pengarah
.....
.....
.....

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.

5. Tawaran untuk mengkompaun ini sah sehingga …….. .

6. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis yang selanjutnya.

Tarikh: ……..
Cop rasmi:

……
Pengarah

---

* Potong yang tidak berkenaan

BORANG A2

[subkaedah 23(2)]

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

Pengarah

……

……

……

Tuan,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan ..... bertarikh ..... .

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama ini wang tunai/kiriman wang/ kiriman pos/ cek/ draf bank* No…… yang dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Pengarah bagi jumlah wang RM…….. (Ringgit Malaysia .....) sahaja sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan: ……

Nama (*huruf besar*): ……

Nombor Kad Pengenalan: .....

Untuk dan bagi pihak (*jika berkenaan*): .....

(nama syarikat/perniagaan atau badan lain*)

Cap rasmi *syarikat/perniagaan/ badan lain* (*jika berkenaan*):

.....

Nombor Perakuan Pendaftaran/Lesen:

.....

Alamat:

……

……

Tarikh: ……..

---

* Potong yang tidak berkenaan

BORANG B

[subkaedah 28(4)]

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PENEBANG

NO. PENDAFTARAN:

DENGAN INI DIPERAKUI bahawa …….. No. Kad Pengenalan …….. beralamat di ……..…….. telah didaftarkan sebagai penebang dalam Wilayah Persekutuan.

Tarikh Perakuan: ……

……
Pengarah

Tempoh Kesahan Perakuan

Dari	Hingga	Bayaran (RM)	No. Resit	Tarikh Resit	Tandatangan Pengarah

Peringatan:
Surat peringatan tidak akan dikeluarkan untuk memperbaharui perakuan pendaftaran ini. Jika perakuan pendaftaran tidak diperbaharui dalam tempoh yang ditetapkan, perakuan perdaftaran ini akan terbatal.

BORANG C

[subkaedah 30(3)]

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR UNTUK MENGAMBIL HASIL HUTAN

NO. PENDAFTARAN:

DENGAN INI DIPERAKUI bahawa …….. No. Kad Pengenalan …….. beralamat di …….. telah didaftarkan sebagai kontraktor untuk mengambil hasil hutan dalam Wilayah Persekutuan.

Tarikh Perakuan: ……

……
Pengarah

Tempoh Kesahan Perakuan

Dari	Hingga	Bayaran (RM)	No. Resit	Tarikh Resit	Tandatangan Pengarah

Peringatan:

1. Sebarang perubahan dalam pemegangan saham, ahli-ahli syarikat atau jawatan hendaklah dengan segera dimaklumkan kepada Pengarah bersama dengan suatu salinan sah dokumen berkaitan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat atau Pendaftar Perniagaan.

2. Surat peringatan tidak akan dikeluarkan untuk memperbaharui perakuan pendaftaran ini. Jika perakuan pendaftaran tidak diperbaharui dalam tempoh yang ditetapkan, perakuan pendaftaran ini akan terbatal.

BORANG D

[subkaedah 32(3)]

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR UNTUK MENGAMBIL KAYU JARAS, KAYU API, ROTAN DAN APA-APA HASIL KECIL HUTAN

NO. PENDAFTARAN:

DENGAN INI DIPERAKUI bahawa …….. No. Kad Pengenalan …….. beralamat di …….. telah didaftarkan sebagai kontraktor untuk mengambil kayu jaras, kayu api, rotan dan apa-apa hasil kecil hutan dalam Wilayah Persekutuan.

Tarikh Perakuan: ……

……
Pengarah

Tempoh Kesahan Perakuan

Dari	Hingga	Bayaran (RM)	No. Resit	Tarikh Resit	Tandatangan Pengarah

Peringatan:

1. Sebarang perubahan dalam pemegang saham, ahli-ahli syarikat atau jawatan hendaklah dimaklumkan dengan segera kepada Pengarah bersama dengan suatu salinan sah dokumen berkaitan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat atau Pendaftar Perniagaan.

2. Surat peringatan tidak akan dikeluarkan untuk memperbaharui perakuan pendaftaran ini. Jika perakuan pendaftaran tidak diperbaharui dalam tempoh yang ditetapkan, perakuan pendaftaran ini akan terbatal.

SUBLESEN DI BAWAH LESEN/ LESEN KECIL/ PERMIT PENGGUNAAN*

Gambar Ukuran Pasport

No. .....

No. Sublesen.....

Nama:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Tandatangan Pemegang Sublesen :

.....

